

CNS4726

U GR 17-05 00175 RR000

AAR

Mahathir - EARG (EMBARGO: Untuk siaran selepas 2230)

T

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EARG) yang dicadangkan tidak akan menjadi kumpulan eksklusif rantau-rantau lain, termasuk Eropah Timur atau Tengah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, EARG akan diselaraskan dengan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan akan memelihara sistem perdagangan pelbagai hala.

+Iusteru itu, negara-negara membangun dan negara-negara lain seperti Eropah Timur dan Tengah, yang kini cuba mengintegrasikan ekonomi mereka dengan ekonomi antarabangsa tidak perlu bimbang kawasan pertumbuhan pesat ini akan ditutup kepada mereka, + katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian pada jamuan rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Persekutuan Czech dan Slovak Dr Marian Calfa dan isterinya, Jirina, di Seri Perdana di sini.

Sambil berkata bahawa EARG akan menjadi sebuah forum perundingan ekonomi serantau bagi mengekalkan perdagangan bebas, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan ia akan berusaha memaksimumkan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di kalangan anggotanya dan dengan negara-negara perdagangan lain. -- Lagi.

♥17/05/21-40MST

U GR 17-05 00156 RR001

AAR

Mahathir - EARG 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Beliau berkata bahawa usaha-usaha bersama oleh Malaysia dan Czech dan Slovak bagi mengembangkan kerjasama ekonomi dua hala akan sesuai dengan usaha untuk menggalakkan EARG.

Perdana Menteri berharap kerjasama dua hala antara kedua-dua negara akan berkembang menjadi jambatan bagi memperluaskan hubungan ekonomi antara Eropah Timur dan Tengah dengan negara-negara Pasifik.

+Kerajaan Tuan Yang Terutama boleh menyumbang ke arah proses ini bukan sahaja dengan meningkatkan eksport ke rantau ini tetapi juga dengan menyumbangkan sebahagian daripada keperluan-keperluan untuk program pembangunan semula Tuan Yang Terutama dari rantau ini, + katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah kata Malaysia percaya bahawa tidak ada sebarang manfaat yang akan diperolehi sekiranya negara-negara jiran miskin.

+Kami percaya jika sesebuah negara itu menjadi lebih kaya, negara-negara lain di dunia juga akan mendapat manfaat. Oleh itu, dasar kami tidak bertujuan untuk memperkayakan diri kami dengan merugikan pihak lain. -- Lagi.

♥17/05/21-43MST

U GR 17-05 00154 RR002

AAR

Mahathir - FARG 3 Kuala Lumpur (Embargo)

+Oleh kerana kami percaya kepada perkongsian kekayaan di kalangan negara-negara, kami merasa sedih dengan usaha-usaha untuk menyekat sesetengah negara di Asia daripada menjadi maju,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kegagalan Rundingan Uruguay merupakan herita buruk bagi negara-negara membangun yang memerlukan suasana perdagangan yang teratur dan terbuka untuk maju dan berkembang.

Beliau berkata ketika negara-negara perindustrian banyak memperkatakan tentang kebebasan dan demokrasi, mereka nampaknya enggan mengambil langkah-langkah perlu untuk mengekal dan memperluaskan sistem perdagangan antarabangsa yang amat penting bagi menjamin kebebasan dan demokrasi yang mereka laungkan.

Tanpa sistem perdagangan terbuka, ekonomi-ekonomi pasaran bebas dan seterusnya institusi-institusi pluralisme politik yang berkaitan dengannya akan menjadi lemah.

+Jika Rundingan Uruguay runtuh sepenuhnya, mungkin lebih banyak yang terancam daripada hanya sistem perdagangan antarabangsa yang ada sekarang. Namun ada negara-negara perindustrian tertentu yang nampaknya tidak memperdulikan bahaya-bahaya ini. -- Lagi.

♥17/05/21-44MST

CNS4733

U GR 17-05 00161 RR003

AAR

Mahathir - FARG 4 Kuala Lumpur (Embargo)

+Sebenarnya, mereka nampaknya herselfelindung di sebalik sekatan-sekatan perlindungan dan blok-blok perdagangan serantau,+ katanya.

Perdana Menteri, juga mengingatkan negara-negara blok Timur bahawa semasa mereka diberi harapan untuk mempercayai bahawa ekonomi pasaran menyumbang kepada pertumbuhan dan kekayaan negara-negara demokrasi Barat, Malaysia juga diheritahu mengenai kebaikan perdagangan bebas semasa mencapai kemerdekaan.

Katanya, Malaysia enggan memiliknegerakan syarikat-syarikat perniagaan asing, tetapi sebaliknya terus membuka pasaran kepada eksport seluruh dunia, menggalakkan lebih banyak penyertaan asing dalam ekonomi dan tidak menyekat pergerakan keluar masuk matawang asing.

+Justeru itu, pasaraya-pasaraya dan kedai-kedai kami dipenuhi dengan barang-barang dari seluruh dunia.

+Tetapi kami tidak boleh membeli tanpa menjual. Pada awalnya, kami menjual komoditi seperti getah dan dan timah, yang tidak dikeluarkan oleh negara-negara maju.

+Tetapi, syarat-syarat perdagangan telah berubah dan menjejaskan kami dengan teruk. Untuk membeli barang-barang pembuatan yang sama kami terpaksa menjual lebih banyak lagi komoditi kami,+ kata beliau. -- Bernama.

♥17/05/21-47MST